



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PERLIS

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan Akademik secara Tetap di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis**.

1. **JAWATAN : PROFESOR (GRED VK7)/ PROFESOR MADYA (GRED DM53)/ PENSYARAH KANAN (GRED DM51)/ PENSYARAH (GRED DM45)**

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
<b>KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>					
1.	PROFESOR	VK7	PENSYARAH UITM	RM 7,676.00	RM 20,592.00
2.	PROFESOR MADYA	DM53	PENSYARAH UITM	RM 6,162.00	RM 13,235.00
3.	PENSYARAH KANAN	DM51	PENSYARAH UITM	RM 5,855.00	RM 12,445.00
4.	PENSYARAH	DM45	PENSYARAH UITM	RM 3,070.00	RM 11,095.00
<b>Nota:</b> Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan <b>Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)</b>					

### FAKULTI

FAKULTI	BIDANG
Fakulti Perlindungan dan Agroteknologi	Pengurusan Perlindungan dan Perniagaantani
Fakulti Sains Gunaan	Kimia
Fakulti Sains Sukan & Rekreasi	Pengurusan Sukan

## 2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut

(a) Warganegara Malaysia:

(b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan

### **KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED DM45 (PENSYARAH)**

- (c) i. Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DM45: RM3,070.00); atau
- ii. Ijazah Sarjana Muda Seni Bina **dan** Diploma Lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DM45: RM3,070.00); atau
- iii. Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DM45: RM3,380.37)

### **KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED DM51**

- (d) i. memiliki kelayakan seperti di perenggan 1(c) ;  
dan ii. membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan  
iii. mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DM51: RM5,855.00)

### **KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED DM53 (PROFESOR MADYA)**

- (e) i. memiliki kelayakan seperti di perenggan 1(c) ;  
dan ii. membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan  
iii. mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DM53: RM6,162.00)

### **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)**

- (f) i. memiliki kelayakan seperti di perenggan 1(c) ;

- dan ii. membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
- iii. mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DM53: RM7,676.00)

### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **PERHATIAN KEPADA PEMOHON**

1. Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun **MESTILAH MELALUI KETUA JABATAN** dan hendaklah disertakan dengan **SALINAN KENYATAAN PERKHIDMATAN YANG DIKEMAS KINI**.
2. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai bersama **SALINAN** dokumen berikut yang telah **DISAHKAN**:
  - a) Kad Pengenalan
  - b) Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
  - c) Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)
  - d) Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
  - e) Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada/terdahulu untuk mengambilkira pengalaman kerja/ penetapan gaji
  - f) Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/Badan Berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat)
3. Nama bidang dan fakulti yang dipohon hendaklah dinyatakan di penjurusan atas sebelah kiri sampul surat permohonan.
4. **Keutamaan hanya diberi kepada calon-calon yang memiliki Ijazah Sarjana/Ph.D dengan CGPA 3.00 dan ke atas/ Kelas Kedua Tinggi di peringkat Ijazah Sarjana Muda.**
5. Borang yang tidak lengkap dan permohonan calon dari jabatan kerajaan/badan berkanun/separa kerajaan yang tidak memohon melalui majikan **tidak akan diproses**.
6. Hanya permohonan yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.
7. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
8. Pemohon-pemohon mestilah **bersedia untuk berkhidmat di UiTM Cawangan Perlis**.

## CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- (a) Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Perjawatan Akademik Universiti Teknologi MARA**. Borang dan syarat-syarat permohonan boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Perlis <https://perlis.uitm.edu.my/> atau boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Kampus Arau.
- (b) Tarikh tutup permohonan ialah pada **08 Disember 2021 (Rabu)**
- (c) Sila kemukakan permohonan kepada:



**TIMBALAN PENDAFTAR  
BAHAGIAN PENTADBIRAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERLIS  
02600 ARAU  
PERLIS  
NO.TEL: (04- 9882000 / 2204 / 2207 / 2210)**